

## PEKELILING PERKHIDMATAN MPOB No 3 TAHUN 2002

### FAEDAH PERUBATAN

Pekeliling ini adalah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah kuasa peraturan 3 Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Syarat-Syarat Perkhidmatan) 2001.

### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### Nama dan mula berkuatkuasa

1.(1) "Pekeliling" ini bolehlah dinamakan dengan tajuk Faedah Perubatan.

(2) Pekeliling ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 September 2002 dan hendaklah dibaca bersama dengan Peraturan-Peraturan.

#### Pemakaian

2.(1) Pekeliling ini hendaklah terpakai kepada pegawai Lembaga berjawatan tetap dan sementara sahaja.

(2) Bagi pegawai Lembaga dalam kontrak, faedah perubatannya bergantung kepada syarat dan terma kontraknya.

(3) Jika syarat-syarat pegawai Lembaga dalam kontrak tidak memperuntukkan mengenai faedah perubatan mereka, mereka boleh, jika difikirkan sesuai oleh Ketua Pengarah menikmati faedah perubatan atas kadar yang sama dengan pegawai Lembaga yang setaraf mengikut pangkat atau gred yang berkenaan.

#### Tafsiran

3. Dalam Pekeliling ini, ungkapan yang digunakan mempunyai erti yang sama dalam Peraturan-Peraturan melainkan jika dinyatakan sebaliknya:

"anak-anak" ertinya dalam hal seseorang pegawai Lembaga, anak-anak yang sah di sisi undang-undang (termasuk yang disifatkan sebagai anak-anak tiri dan anak-anak angkat yang diambil mengikut undang-undang) yang ditanggung sepenuhnya oleh pegawai Lembaga itu yang -

(a) berumur -

- (i) di bawah 18 tahun; atau
  - (ii) di bawah umur 21 tahun, sekiranya masih bersekolah; atau
- (b) yang sekiranya daif disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, tiada had umur;

“CAPD” ertinya Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis;

“hospital” ertinya termasuk hospital, klinik, yayasan perubatan, pusat perubatan atau institusi perubatan yang lain yang semuanya berdaftar dengan Kementerian Kesihatan;

“hospital Kerajaan” ertinya hospital dipunyai sepenuhnya oleh Kerajaan dan di bawah pentadbiran Kerajaan;

“hospital swasta” ertinya hospital yang bukan hospital Kerajaan;

“ibu bapa yang sah” ertinya ibu bapa kandung atau ibu tiri atau bapa tiri atau ibubapa angkat yang pertalian kekeluargaan adalah sah disisi undang-undang dan dihadkan kepada seorang ibu yang sah dan seorang bapa yang sah pada bila-bila satu-satu masa dan yang bermastautin di Malaysia sahaja;

“IJNSB” ertinya Institut Jantung Negara Sdn Bhd;

“jawatankuasa perubatan” ertinya jawatankuasa perubatan yang ditubuh menurut perenggan 43;

“keluarga pegawai Lembaga” ertinya -

- (a) dalam hal pegawai Lembaga lelaki, ertinya isteri yang sah dan anak-anaknya;
- (b) dalam hal pegawai Lembaga wanita, ertinya suami yang sah dan anak-anaknya;

“klinik panel Lembaga” ertinya hospital swasta yang dilantik oleh Pengarah Kewangan dan Pengurusan untuk menjadi panel perubatan Lembaga atau dirujuk oleh pegawai perubatan dengan kelulusan Pengarah Kewangan dan Pengurusan;

“LPPKN” ertinya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara;

“pegawai perubatan” ertinya seseorang doktor perubatan atau doktor pergigian berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan termasuk sebarang hospital universiti atau Angkatan Tentera Malaysia atau klinik panel Lembaga;

“pegawai Lembaga” ertinya pegawai Lembaga yang sedang berkhidmat dan berjawatan tetap atau sementara;

“pegawai Lembaga dalam kontrak” ertinya seorang pegawai Lembaga yang sedang berkhidmat yang bukan berjawatan tetap atau sementara;

“Peraturan-Peraturan” ertinya Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Syarat-Syarat Perkhidmatan) 2001.

“pesara” ertinya seorang pegawai Lembaga yang berjawatan berpencen yang bersara dari perkhidmatan Lembaga dan menerima pencen Persekutuan;

“rawatan pesakit luar” ertinya rawatan yang diberikan oleh klinik panel Lembaga yang berpunca daripada sesuatu penyakit atau kemalangan dan yang tidak memerlukan seseorang itu dimasukkan ke dalam wad hospital dan tidak termasuk antara lain rawatan pakar;

“rawatan kecemasan” ertinya rawatan serta merta yang tidak boleh dilengahkan bagi menyelamatkan nyawa;

“rawatan segera” ertinya rawatan yang memerlukan perhatian perubatan dengan segera tetapi tidak serta merta;

“rawatan primary infertility” ertinya rawatan kemandulan bagi mereka yang tidak pernah mengandungi dan menghadapi kesukaran mengandungi;

“rawatan *secondary infertility*” ertinya rawatan kemandulan bagi pegawai Lembaga -

- (a) yang sudah mempunyai anak dan gagal mendapatkan anak kedua atau seterusnya; atau
- (b) yang pernah mengandungi dan telah mengalami keguguran.

“Skim Kerajaan” ertinya kemudahan perubatan yang ditentukan oleh Kerajaan dan diterimapakai oleh Lembaga termasuk Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001 (Pelaksanaan Kemudahan Perubatan) dan apa-apa pindaan kepadanya yang diterimapakai dengan pengubahsuaian yang ditentukan Lembaga;

“Skim Lembaga” ertinya kemudahan perubatan yang ditentukan oleh Lembaga menurut Bahagian II Pekeliling ini;

“stesen” mempunyai erti yang sama dengan “stesen” dalam Pekeliling MPOB berhubung dengan elaun;



## BAHAGIAN II

## SKIM LEMBAGA

## BAB I

*Rawatan Perubatan di Klinik Panel Lembaga***Rawatan pesakit luar**

4.(1) Pegawai Lembaga dan keluarganya yang jatuh sakit layak untuk mendapatkan rawatan pesakit luar termasuk ubat dan suntikan berhubungan dengannya secara percuma tertakluk kepada had-had yang ditentukan oleh Lembaga dari masa ke semasa di klinik panel Lembaga.

(2) Pegawai Lembaga hendaklah menanggung secara peribadi -

- (a) apa-apa kos perubatan termasuk caj perubatan dan kos farmasi yang tidak berkaitan dengan rawatan pesakit yang diterimanya;
- \* (b) apa-apa kos pelalian termasuk caj perubatan yang diberi kepadanya atau keluarganya yang tidak diwajibkan oleh Kerajaan;
- (c) apa-apa kos yang bukan kos pesakit luar seperti kos rawatan pakar;

**Rawatan pakar dan rawatan lain**

5.(1) Tertakluk kepada Pekeliling ini, seseorang pegawai Lembaga dan keluarganya layak mendapat di klinik panel Lembaga, rawatan pakar dan rawatan lain yang diperuntukkan dalam Perintah Fee (Perubatan) 1982 [P.U.(A)359/82] dan apa-apa pindaan kepadanya serta apa-apa pekeliling Kerajaan berkaitan dengannya dari klinik panel Lembaga.

(2) Kelayakan ini tertakluk kepada syarat iaitu setiap kes hendaklah terlebih dahulu mendapatkan perakuan daripada mana-mana pegawai perubatan dan juga mendapat kelulusan Pengarah Kewangan dan Pengurusan atau Ketua Unit Sumber Manusia.

(3) Lembaga hanya menanggung bayaran rawatan perubatan seseorang pegawai Lembaga atau keluarganya setakat mana yang diperuntukkan dalam Perintah Fee (Perubatan) 1982 [P.U.(A)359/82] dan apa-apa pindaan kepadanya serta apa-apa pekeliling Kerajaan berkaitan dan semua ubat, suntikan atau kos farmasi yang lain yang berkaitan dengan rawatan itu.

(4) Pegawai Lembaga hendaklah menanggung secara peribadi semua kos rawatan perubatannya dan keluarganya termasuk caj perubatan yang tidak diperuntukkan dalam Perintah Fee (Perubatan) 1982 [P.U.(A)359/82] dan apa-apa pindaan kepadanya serta apa-apa pekeliling Kerajaan berkaitan dengannya dan semua ubat, suntikan atau kos

farmasi yang lain yang tidak berkaitan dengan rawatan itu.

Am

(1) Jika terdapat apa-apa pertikaian mengenai sama ada sesuatu rawatan itu ialah rawatan pesakit luar atau pertikaian mengenai kos perubatan termasuk caj perubatan dan kos farmasi, maka Ketua Pengarah atau Pengarah Kewangan dan Pengurusan boleh setelah mendapat pandangan daripada pakar atau melihat daripada amalan sebelum itu, jika difikirkan sesuai, membuat keputusan mengenai pertikaian itu.

(2) Walau apa pun yang dinyatakan dalam Pekeliling ini, Lembaga boleh dari masa ke semasa membuat ketetapan (*ruling*) mengenai apa-apa faedah perubatan termasuk rawatan perubatan dan pemeriksaan yang ditanggung dan tidak ditanggung oleh Lembaga.

## BAB 2

### *Rawatan Perubatan di Hospital selain daripada Hospital Kerajaan atau Klinik Panel Lembaga*

#### **Selain daripada Hospital Kerajaan atau Klinik Panel Lembaga**

7.(1) Pegawai Lembaga atau keluarganya hanya layak mendapat rawatan kecemasan atau rawatan segera di hospital selain daripada hospital Kerajaan dan klinik panel Lembaga dengan syarat pegawai Lembaga hendaklah mendapatkan perakuan bertulis daripada pegawai perubatan yang merawat bahawa rawatan tersebut adalah rawatan kecemasan atau rawatan segera.

(2) Lembaga hanya menanggung bayaran rawatan perubatan kecemasan atau rawatan segera itu bagi seseorang pegawai Lembaga atau keluarganya seolah-olah hospital tersebut adalah klinik panel Lembaga.

(3) Tertakluk kepada perenggan 7(2), pegawai Lembaga hendaklah menanggung secara peribadi -

- (a) semua kos rawatan perubatannya dan keluarganya termasuk caj perubatan dan kos farmasi yang tidak berkaitan dengan rawatan kecemasan atau rawatan segera; dan
- (b) semua kos rawatan perubatannya dan keluarganya termasuk caj perubatan dan kos farmasi yang bukan rawatan kecemasan atau rawatan segera yang diperakukan oleh pegawai perubatan yang merawat.

## BAB 3

*Rawatan Perubatan menurut Skim Insuran Kesihatan***Skim Insuran Kesihatan**

3(1) Pegawai Lembaga atau keluarganya layak mendapat rawatan perubatan di hospital menurut skim insuran kesihatan yang diambil oleh Lembaga, jika ada, dan yang terpakai kepada pegawai Lembaga.

(2) Pegawai Lembaga hendaklah menanggung secara peribadi semua kos rawatan perubatannya dan keluarganya termasuk caj perubatan dan kos farmasi yang tidak diperuntukkan dalam skim insuran kesihatan itu:

Dengan syarat jika hospital itu merupakan klinik panel Lembaga, maka peruntukan mengenainya dalam Bahagian II Bab 1 boleh terpakai.

Dengan syarat selanjutnya dalam hal rawatan kecemasan atau rawatan segera, jika hospital itu bukan hospital Kerajaan atau klinik panel Lembaga, maka peruntukan mengenainya dalam Bahagian II Bab 2 boleh terpakai.

**BAHAGIAN III****SKIM KERAJAAN****Skim Kerajaan**

9. Tertakluk kepada Pekeliling ini -
- (a) pegawai Lembaga dan keluarganya;
  - (b) pesara; dan
  - (c) ibu bapa yang sah,

adalah layak untuk mendapat kemudahan perubatan menurut Skim Kerajaan di hospital Kerajaan dan di hospital swasta.

## BAB 4

*Rawatan Perubatan di Hospital Kerajaan***Rawatan di hospital Kerajaan**

10.(1) Pegawai Lembaga dan keluarganya yang jatuh sakit adalah layak untuk mendapat semua rawatan perubatan termasuk -



- (a) rawatan pesakit luar;
- (b) rawatan pergigian;
- (c) rawatan pakar; dan
- (d) rawatan yang lain,

di hospital Kerajaan setakat mana yang dibenarkan oleh Kerajaan ke atasnya dan keluarganya.

(2) Kadar bayaran bagi rawatan tersebut termasuk bayaran wad, caj perubatan, farmasi, alat-alat dan anggota palsu adalah sebagaimana yang dikenakan oleh Kerajaan dari masa ke semasa ke atas pegawai Lembaga dan keluarganya.

(3) Lembaga hanya akan menanggung kos perubatan termasuk caj perubatan dan kos farmasi yang diarahkan oleh pegawai perubatan Kerajaan.

(4) Pegawai Lembaga hendaklah menanggung secara peribadi apa-apa kos perubatan termasuk caj perubatan dan kos farmasi yang tidak diarahkan oleh pegawai perubatan Kerajaan.

#### **Pegawai Lembaga perlu mengemukakan surat pejabat**

11. Tiap-tiap pegawai Lembaga atau keluarganya yang dimasukkan ke hospital Kerajaan dikehendaki mengemukakan satu surat dalam Jadual Kedua (atau apa-apa surat yang ditentukan oleh Pengarah Kewangan dan Pengurusan) dari Ketua Pengarah atau bagi pihaknya yang menyatakan tentang nama, jawatan dan gaji pegawai Lembaga itu, beserta dengan satu perakuan dari pegawai Lembaga itu membenarkan Ketua Pengarah memotong gajinya bagi menjelaskan apa-apa bayaran yang dikenakan oleh pihak hospital kerana rawatan di hospital itu.

#### **Rawatan di hospital Kerajaan berhampiran**

12.(1) Pegawai dan keluarganya hendaklah mendapatkan rawatan mereka di hospital Kerajaan yang berhampiran dengan stesen mereka.

(2) Sekiranya seseorang pegawai perubatan di hospital Kerajaan yang berhampiran dengan stesen mereka mengesahkan bahawa seseorang pegawai Lembaga itu atau keluarganya itu perlu mendapat rawatan dari pegawai perubatan Kerajaan di tempat lain, maka dia atau keluarganya boleh menuntut elaun-elaun yang terpakai dari masa ke semasa seolah-olah dia atau keluarganya di dalam perjalanan kerana urusan rasmi.

(3) Tetapi sekiranya pegawai itu sendiri ingin hendak mendapatkan rawatan dari

Seorang pegawai perubatan di tempat lain tanpa nasihat dari pegawai perubatan di hospital Kerajaan yang berhampiran dengan stesen maka elaun-elaun seperti di atas tidak boleh dituntut.

#### Rawatan di luar negara

12. Apabila seseorang pegawai Lembaga atau keluarganya yang disahkan oleh sebuah jawatankuasa perubatan sebagai memerlukan rawatan khas yang tidak diperolehi di negeri ini, boleh dipertimbangkan oleh Lembaga untuk dihantar keluar negara bagi mendapatkan rawatan tersebut atas perbelanjaan Lembaga dengan syarat bahawa pruntukan Bahagian III Bab 11 dipatuhi.

#### Kemudahan yang sama bagi pesara

14. Seseorang pesara Lembaga atau keluarganya akan berkelayakan mendapat kemudahan rawatan dan perubatan di hospital Kerajaan setakat mana yang dibenarkan oleh Kerajaan ke atasnya dan keluarganya.

#### Kemudahan rawatan untuk keluarga pegawai Lembaga selepas kematiannya.

15.(1) Mana-mana keluarga pegawai Lembaga yang mana pegawai Lembaga itu telah dietakkan di atas perjawatan berpencen, akan berkelayakan, setakat mana yang dibenarkan oleh Kerajaan ke atas keluarganya, selepas kematian pegawai Lembaga itu, tidak kira sama ada kematian itu telah berlaku semasa pegawai Lembaga itu sedang berkhidmat atau setelah dia bersara.

#### Rawatan ibu bapa yang sah

16.(1) Ibu bapa yang sah yang jatuh sakit layak untuk mendapatkan rawatan di hospital Kerajaan setakat mana yang dibenarkan oleh Kerajaan ke atas ibu bapa yang sah.

(2) Seorang pegawai Lembaga hendaklah memaklumkan secara rasmi kepada Ketua Unit Sumber Manusia maklumat peribadi ibu bapanya yang sah yang layak mendapatkan kemudahan ini. Maklumat ini hendaklah dicatatkan di dalam Buku Perkhidmatan pegawai Lembaga seperti berikut:

Nama Bapa:.....

No KP:

Nama Ibu:.....

No. KP:

(3) Sebarang perubahan terhadap maklumat ini hendaklah dimaklumkan secara rasmi kepada Ketua Unit Sumber Manusia.

(4) Satu surat pengesahan daripada Ketua Unit Sumber Manusia hendaklah dikemukakan kepada pihak hospital Kerajaan yang berkenaan apabila ibu bapa yang sah



ingin mendapat rawatan perubatan. Ketua Unit Sumber Manusia adalah bertanggungjawab menentukan butir-butir yang dinyatakan dalam surat pengesahan itu adalah mengikut maklumat yang tercatat dalam Buku Perkhidmatan pegawai Lembaga.

(5) Kemudahan ini hanya diherikan kepada ibu bapa yang sah selagi pegawai Lembaga itu masih dalam perkhidmatan Lembaga.

## BAB 5

### *Rawatan Perubatan di Hospital Swasta*

#### Jenis rawatan perubatan yang dibenarkan di hospital swasta

17.(1) Jenis-jenis rawatan perubatan yang dibenarkan berhubungan dengan hospital swasta di bawah Skim Kerajaan menurut Pekeliling ini ialah -

- (a) rawatan kepakaran di hospital swasta;
- (b) rawatan kecemasan di hospital swasta;
- (c) rawatan kemandulan di LPPKN;
- (d) rawatan perkhidmatan perubatan tertentu;
- (e) rawatan penyakit buah pinggang (*hemodialisis/CAPD*);
- (f) rawatan di luar negara;
- (g) rawatan perbelanjaan ubat;
- (h) rawatan perbelanjaan alat ortopedik dan anggota palsu;
- (i) rawatan di IJNSB.

(2) Pegawai Lembaga dan pesara hendaklah menanggung secara peribadi apa-apa semua kos perubatan yang tidak mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling ini.

#### Cara permohonan

18. Permohonan untuk mendapat rawatan di bawah Bahagian ini hendaklah dibuat menurut tatacara dan menggunakan borang yang ditentukan oleh Pengarah Kewangan dan Pengurusan.

BAB 6

*Rawatan Kepakaran Di Hospital Swasta*

**Syarat-syarat**

19. Syarat-syarat yang hendaklah dipatuhi untuk melayakkan mendapat rawatan kepakaran di hospital swasta adalah:

- (a) rawatan perubatan hendaklah didapati dahulu daripada hospital Kerajaan;
- (b) rawatan kepakaran itu tidak dapat diperolehi di hospital Kerajaan;
- (c) pengesahan daripada pakar perubatan hospital Kerajaan bahawa rawatan kepakaran diperlukan dan boleh diperolehi di dalam negeri;
- (d) perakuan Ketua Pengarah Kesihatan mengenai perenggan (b); dan
- (e) permohonan diluluskan oleh Ketua Pengarah atau Pengarah Kewangan dan Pengurusan.

**Tanggungjawab perbelanjaan**

20. Perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga adalah -

- (a) perbelanjaan rawatan kepakaran di hospital swasta;
- (b) bayaran wad mengikut kelayakan berikut:

	<i>Kumpulan Perkhidmatan</i>	<i>Kelas Wad Hospital</i>
1.	Pengurusan Tertinggi	Satu bilik seorang (bilik biasa)
2.	Pengurusan & Profesional	Satu bilik dua orang
3.	Sokongan	Satu bilik empat orang

21. Perbelanjaan yang ditanggung oleh pegawai Lembaga atau pesara ialah:

- (a) bayaran wad yang melebihi kelayakan;
- (b) bayaran wad sebanyak 20% daripada caj wad mengikut kelayakan di perenggan 20(b); dan
- (c) bayaran lain seperti bayaran makanan di luar daripada komponen caj wad yang biasa, telefon, dobi, caj katil kepada pengiring dan sebagainya.

#### Rawatan susulan

22. Rawatan susulan di hospital swasta boleh dipertimbangkan dengan syarat disahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bahawa rawatan susulan berkenaan tidak diperolehi di hospital Kerajaan.

#### BAB 7

#### *Rawatan Kecemasan Di Hospital Swasta*

#### Syarat-syarat

23. Syarat-syarat yang hendaklah dipatuhi untuk melayakkan mendapat rawatan kecemasan di hospital swasta (termasuk IJNSB) adalah:

- (a) rawatan kecemasan hendaklah didapatkan di hospital swasta yang berdekatan dengan tempat kejadian kecemasan kerana tiada hospital Kerajaan yang berhampiran;
- (b) sekiranya jarak di antara tempat kejadian kecemasan dengan hospital swasta dan hospital Kerajaan adalah sama, pesakit hendaklah mendapat rawatan di hospital Kerajaan;
- (c) keperluan rawatan serta merta yang tidak boleh dilengahkan bagi menyelamatkan nyawa pesakit (*life threatening*);
- (d) pesakit dalam keadaan kritikal/tenat semasa di bawa ke hospital swasta;
- (e) pengesahan kecemasan oleh pakar perubatan hospital swasta berkenaan perenggan (b);
- (f) pesakit hendaklah memperolehi laporan klinikal yang terperinci daripada pakar perubatan hospital swasta; dan
- (g) permohonan diluluskan oleh Ketua Pengarah atau Pengarah Kewangan dan Pengurusan.

#### Tanggungjawab perbelanjaan Lembaga

24. Perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga adalah -

- (a) perbelanjaan rawatan bagi tempoh kecemasan sehingga tempoh pesakit stabil dan boleh dipindahkan ke hospital Kerajaan.
- (b) bayaran wad yang dicajkan bersekali dengan makanan mengikut kelayakan berikut:



	<i>Kumpulan Perkhidmatan</i>	<i>Kelas Wad Hospital</i>
1.	Pengurusan Tertinggi	Satu bilik seorang (bilik biasa)
2.	Pengurusan & Profesional	Satu bilik dua orang

- (c) bayaran makanan sebanyak 80% sekiranya makanan dicaj berasingan daripada wad.

#### Tanggungjawab perbelanjaan pegawai Lembaga atau pesara

25. Perbelanjaan yang ditanggung oleh pegawai Lembaga atau pesara ialah:

- (a) bayaran wad yang melebihi kelayakan;
- (b) bayaran wad sebanyak 20% daripada caj wad mengikut kelayakan di perenggan 24(b) selaras dengan peraturan yang sama dikenakan kepada pegawai Lembaga atau pesara sekiranya dimasukkan ke wad hospital Kerajaan ;
- (c) bayaran makanan sebanyak 20% sekiranya makanan dicaj berasingan daripada wad (berdasarkan peratus caj makanan berbanding caj awam di hospital Kerajaan); dan
- (d) bayaran lain seperti bayaran makanan di luar daripada komponen caj wad yang biasa, telefon, dobi, caj katil kepada pengiring dan sebagainya.

#### BAB 8

#### *Rawatan kemandulan di Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara (LPPKN)*

##### Syarat-syarat

26. Syarat-syarat yang hendaklah dipatuhi untuk melayakkan mendapat rawatan kemandulan di Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara (LPPKN) adalah:

- (a) rawatan hendaklah dijalankan di LPPKN;
- (b) rawatan hendaklah rawatan *primary infertility* sahaja;
- (c) pengesahan oleh pakar perubatan LPPKN mengenai perenggan (b); dan
- (d) permohonan hendaklah diluluskan oleh Ketua Pengarah atau Pengarah Kewangan dan Pengurusan.

**Rawatan yang tidak boleh dipertimbangkan**

27. Untuk mengelakkan was-was, rawatan yang TIDAK BOLEH dipertimbangkan adalah:

- (a) rawatan untuk menjalani proses mengandung secara bukan semula jadi termasuk -
  - (i) proses IVF (*in Vitro Fertilisation*); atau
  - (ii) proses GIFT (*Gamete Intra Fallopian Transfer*); atau
- (b) rawatan *secondary infertility*.

**Tanggungjawab perbelanjaan Lembaga**

28. Perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga adalah -

- (a) kos rawatan kemandulan yang mematuhi syarat di perenggan 26;
- (b) kos rawatan sampingan seperti *hysterosasphingogram(HSG)*, *X-ray*, pembedahan dan rawatan sampingan yang lain dengan syarat bahawa -
  - (i) rujukan daripada doktor LPPKN; dan
  - (ii) pengesahan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia bahawa rawatan sampingan tidak terdapat di hospital Kerajaan.

## BAB 9

*Rawatan Perkhidmatan Perubatan Tertentu***Jenis rawatan perkhidmatan perubatan tertentu**

29. Jenis rawatan perkhidmatan yang boleh dipertimbangkan ialah -

- (a) CT Scan; dan
- (b) Magnetic Resonance Imaging (MRI);

**Syarat-syarat**

30. Syarat-syarat yang hendaklah dipatuhi untuk melayakkan mendapat perkhidmatan perubatan adalah:

- (a) rawatan perubatan hendaklah didapati dahulu daripada hospital Kerajaan;

- (b) perkhidmatan perubatan yang diperlukan itu tidak dapat dibekalkan/sediakan oleh hospital Kerajaan;
- (c) perakuan daripada pakar perubatan Kerajaan mengenai keperluan perkhidmatan itu dan bahawa rawatan tidak dapat disediakan oleh hospital Kerajaan; dan
- (d) permohonan diluluskan oleh Ketua Pengarah atau Pengarah Kewangan dan Pengurusan.

#### **Lain-lain perkhidmatan perubatan**

31. Perkhidmatan perubatan yang selain daripada yang dinyatakan dalam perenggan 30 boleh dipertimbangkan dengan syarat yang berikut:

- (a) perakuan daripada pakar perubatan Kerajaan mengenai keperluan perkhidmatan itu dan bahawa rawatan tidak dapat disediakan oleh hospital Kerajaan; dan
- (b) sokongan daripada Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### **Tanggungjawab perbelanjaan Lembaga**

32. Perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga adalah semua kos rawatan perkhidmatan yang mematuhi syarat dalam Bab ini.

### **BAB 10**

#### *Rawatan Penyakit Buah Pinggang (Hemodialisis/CAPD)*

#### **Syarat-syarat**

33. Syarat-syarat yang hendaklah dipatuhi untuk melayakkan mendapat rawatan penyakit buah pinggang (*Hemodialisis/CAPD*):

- (a) rawatan perubatan hendaklah didapati dahulu daripada hospital Kerajaan;
- (b) rawatan perubatan yang diperlukan itu tidak dapat dibekalkan/sediakan oleh hospital Kerajaan; dan
- (c) perakuan daripada pakar nefrologi Kerajaan mengenai keperluan rawatan itu dan bahawa rawatan tidak dapat disediakan oleh hospital Kerajaan dan perakuan ini hanya perlu dikemukakan semasa permohonan kali pertama sahaja;



### Tanggungjawab perbelanjaan Lembaga

34. Perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga adalah seperti berikut-
- (a) perbelanjaan rawatan *Hemodialisis* berasaskan perbelanjaan sebenar tertakluk kepada maksimum RM200.00 setiap rawatan dan apa-apa, alat atau ujian yang lain yang dibuat di hospital swasta yang kemudahannya boleh diperolehi di hospital Kerajaan tidak boleh dipertimbangkan;
  - (b) perbelanjaan rawatan CAPD termasuk ubat dan alat pakai buang boleh dipertimbangkan jika diperakukan tidak dibekalkan oleh pakar nefrologi Kerajaan;
  - (c) pembedahan *Arterio Venous Fistula (AVF)* di hospital swasta boleh dipertimbangkan dengan syarat yang berikut:
    - (i) pakar nefrologi Kerajaan yang disenaraikan oleh Kementerian Kesihatan merujuk pesakit untuk menjalankan pembedahan AVF;
    - (ii) kelewatan menunggu giliran pembedahan AVF yang keterlaluan di hospital Kerajaan;
    - (iii) pembedahan AVF pertama gagal; dan
    - (iv) kemahiran pembedahan AVF lebih baik di hospital swasta;

## BAB 11

### *Rawatan Di Luar Negara*

#### Syarat-syarat

35. Syarat-syarat yang hendaklah dipatuhi untuk melayakkan mendapat pembayaran balik rawatan rawatan perubatan di luar negara:
- (a) rawatan perubatan hendaklah didapati dahulu daripada hospital Kerajaan;
  - (b) rawatan perubatan itu yang diperlukan itu tidak diperolehi oleh hospital Kerajaan;
  - (c) pengesahan jawatankuasa perubatan mengenai perenggan (b);
  - (d) perakuan daripada Ketua Pengarah Kesihatan mengenai keperluan rawatan itu dan bahawa rawatan tidak dapat disediakan oleh hospital Kerajaan;

- (e) permohonan diluluskan oleh Lembaga.

#### Tanggungjawab perbelanjaan

36.(1) Perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga adalah seperti berikut-

- (a) kos rawatan di hospital;
- (b) kos sara hidup (makan dan sewa hotel/lojing) tidak melebihi 5 hari setelah sampai di negara berkenaan dan tidak melebihi 5 hari sebelum kembali ke Malaysia bagi pesakit (dan pengiring jika diperakui oleh jawatankuasa perubatan);
- (c) tambang kapal terbang kelas ekonomi pergi dan balik bagi pesakit (dan pengiring jika diperakui oleh jawatankuasa perubatan).

(2) Perbelanjaan yang ditanggung oleh pegawai Lembaga atau pesara adalah seperti berikut:

- (a) bayaran wad bersamaan dengan kadar yang dikenakan kepada pegawai Lembaga jika dimasukkan ke hospital Kerajaan;
- (b) bayaran lain seperti bayaran makanan di luar daripada komponen caj wad biasa, telefon, dobi, caj katil kepada pengiring dan sebagainya.

#### BAB 12

#### *Rawatan Perbelanjaan Alat Ortopedik Dan Anggota Palsu*

#### Syarat-syarat

37. Syarat-syarat yang hendaklah dipatuhi untuk melayakkan mendapat pembayaran perbelanjaan alat ortopedik dan anggota palsu:

- (a) rawatan perubatan itu hendaklah didapati dahulu daripada hospital Kerajaan;
- (b) alat ortopedik dan anggota palsu yang diperlukan itu tidak dapat dibekalkan oleh hospital Kerajaan;
- (c) perakuan daripada pakar perubatan Kerajaan mengenai keperluan alat ortopedik dan anggota palsu dan bahawa alat ortopedik dan anggota palsu tidak dapat dibekalkan oleh hospital Kerajaan;
- (d) perbelanjaan bagi anggota palsu hendaklah berdasarkan surat sebutharga

termasuk surat sebutharga daripada Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Orang Kurang Upaya, Bangi; dan

- (e) permohonan diluluskan oleh Ketua Pengarah atau Pengarah Kewangan dan Pengurusan.

### Tanggungjawab perbelanjaan Lembaga

38.(1) Perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga adalah seperti berikut-

- (a) perbelanjaan bagi alat ortopedik tidak melebihi RM5,000.00;
- (b) perbelanjaan bagi alat ortopedik yang melebihi RM5,000.00 memerlukan sokongan daripada Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan;
- (c) perbelanjaan yang dibenarkan dalam surat sebutharga daripada Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Orang Kurang Upaya, Bangi;
- (d) perbelanjaan bagi membaikpulih dan menggantikan anggota palsu;
- (e) alat selain daripada alat ortopedik dan anggota palsu boleh dipertimbangkan -
  - (i) jika diperakukan oleh pakar perubatan dengan syarat; dan
  - (ii) alat tersebut perlu dipasangkan (*implant*) dalam tubuh untuk menyelamatkan nyawa.

(2) Perbelanjaan yang TIDAK ditanggung oleh Lembaga adalah seperti berikut:

- (a) perbelanjaan anggota palsu yang diganti semata mata untuk kecantikan;
- (b) perbelanjaan berhubungan dengan alat ortopedik dan anggota palsu oleh ibu bapa yang sah.

## BAB 13

### *Rawatan Perbelanjaan Ubat*

#### Syarat-syarat

39. Syarat-syarat yang hendaklah dipatuhi untuk melayakkan mendapat pembayaran perbelanjaan ubat:

- (a) ubat hendaklah diperakukan oleh pegawai perubatan Kerajaan dan



disahkan tidak dapat dibekalkan oleh hospital Kerajaan;

- (b) ubat hendaklah termasuk dalam senarai ubat-ubatan Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### Tanggungjawab perbelanjaan Lembaga

40.(1) Perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga adalah seperti berikut-

- (a) ubat yang mematuhi syarat dalam perenggan 39;
- (b) ubat yang tidak dalam senarai ubat-ubatan Kementerian Kesihatan Malaysia boleh dipertimbangkan dengan syarat kelulusan diperolehi daripada -
  - (i) Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan bagi hospital di bawah Kementerian Kesihatan; atau
  - (ii) Pengarah Hospital Universiti (bagi rawatan yang diperolehi di hospital universiti berkenaan).

(2) Perbelanjaan yang TIDAK ditanggung oleh Lembaga adalah seperti berikut:

- (a) makanan tambahan (*food supplement*); atau
- (b) perubatan alternatif.

#### BAB 14

#### *Rawatan Di Institut Jantung Negara Sdn Bhd*

#### Syarat-syarat

41. Syarat-syarat yang hendaklah dipatuhi untuk melayakkan mendapat pembayaran rawatan di IJNSB adalah:

- (a) rawatan perubatan itu hendaklah didapati dahulu daripada hospital Kerajaan;
- (b) rujukan daripada pakar perubatan hospital Kerajaan ke IJNSB;
- (c) mematuhi peraturan dan syarat yang ditetapkan dalam "Panduan Mengenai Kemudahan Di IJNSB Bagi Pelbagai Golongan Pesakit di bawah Tanggungan Kerajaan Persekutuan- Kemudahan Perubatan Bagi Pegawai Kerajaan" mengikut surat Kementerian Kesihatan bertarikh 16hb September 1997 bil (68)dlm.KKM.203/30.Bhg5.

### Tanggungjawab perbelanjaan

42.(1) Perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga adalah semua kos rawatan sebagaimana yang ditetapkan dalam "Panduan Mengenai Kemudahan Di IJNSB Bagi Pelbagai Golongan Pesakit di bawah Tanggungan Kerajaan Persekutuan- Kemudahan Perubatan Bagi Pegawai Kerajaan" mengikut surat Kementerian Kesihatan bertarikh 16hb September 1997 bil (68)dlm.KKM.203/30.Bhg5;

(2) Perbelanjaan yang ditanggung oleh pegawai Lembaga atau pesara adalah wang cagaran seperti berikut:

	<i>Wad</i>	<i>RM</i>
	Kelas I Bilik satu Katil	100
	Kelas I Bilik Dua Katil	80
	Kelas II Bilik Dua Katil	60
	Kelas II Bilik Lima Katil	30
	Kelas III	Percuma

## BAHAGIAN IV

### PELBAGAI

#### BAB 15

### *Jawatankuasa perubatan*

#### Anggota jawatankuasa perubatan

43.(1) Apabila diterima permohonan daripada Ketua Pengarah supaya diperiksa kesihatan seseorang pegawai Lembaga oleh sebuah jawatankuasa perubatan, maka Lembaga atas nasihat Ketua Jabatan Perubatan Negeri atau Ketua Yayasan Perubatan Persekutuan boleh melantik mana-mana pegawai perubatan yang difikirkannya sesuai untuk menjadi anggota jawatankuasa tersebut.

(2) Lazimnya sesebuah jawatankuasa perubatan hendaklah mengandungi tidak kurang daripada dua orang pegawai perubatan dengan seorang daripada mereka, di mana boleh, hendaklah sebaik-baiknya ahli dalam jenis penyakit atau kecederaan yang dialami oleh pegawai Lembaga tersebut.

(3) Dalam keadaan-keadaan teristimewa, Lembaga boleh melantik seorang doktor swasta yang difikirkannya sesuai sebagai anggota jawatankuasa perubatan.

(4) Walau apa pun dalam Pekeliling ini, Lembaga boleh membenarkan Ketua Pengarah Kesihatan atau mana-mana badan berkuasa yang bertanggungjawab untuk

melantik satu jawatankuasa perubatan (atau apa sahaja nama yang ditentukan oleh badan berkuasa) menurut kuasa, bidangkuasa dan terma rujukan yang ditentukan oleh badan berkuasa itu jika terpakai kepada Lembaga.

Bila jawatankuasa perubatan boleh dipanggil

44. Jawatankuasa perubatan boleh dipanggil -

- (a) apabila seseorang pegawai Lembaga didapati masih tidak sihat setelah menghabiskan semua cuti-cuti sakit biasanya;
- (b) apabila seorang pegawai perubatan berpendapat bahawa tiada harapan untuk pegawai Lembaga menjadi sihat untuk bertugas;
- (c) apabila pada tiap-tiap tahun dalam masa tiga tahun yang berturut-turut pegawai Lembaga itu telah bercuti sakit sebanyak 45 hari atau lebih;
- (d) apabila kesiuman otak atau kesihatan badan pegawai Lembaga diragu-ragukan;
- (e) apabila pegawai Lembaga telah tercedera semasa bertugas;
- (f) apabila pegawai Lembaga disahkan mengidap penyakit tibi, kusta, barah atau apa-apa penyakit yang ditentukan oleh Kerajaan dari masa ke semasa;
- (g) apabila pegawai Lembaga atau keluarganya perlu diperiksa untuk mendapatkan rawatan di luar negeri kerana tiada rawatan sedemikian di negeri ini;
- (h) apabila kesihatannya boleh mengganggu keberkesanannya untuk menjalankan tugasnya sebagai pegawai Lembaga ; atau
- (i) apa-apa sebab yang difikirkan sesuai berhubung dengan perubatan oleh Lembaga atau Ketua Pengarah atas kepentingan Lembaga.

#### Laporan jawatankuasa perubatan

45. Laporan mana-mana jawatankuasa perubatan hendaklah dikemukakan terus kepada Ketua Pengarah dalam bentuk di Jadual Pertama atau apa-apa bentuk yang difikirkan sesuai oleh Ketua Pengarah.

BAB 16

*Am*

#### Bayaran ansuran dan potongan emolumen

46.(1) Pegawai Lembaga boleh memohon untuk membayar balik semua kos rawatan perubatan secara ansuran dengan kelulusan Ketua Pengarah atau Pengarah Kewangan dan



Pengurusan tetapi pembayaran secara ansuran tidak boleh melebihi 12 bulan melainkan ditentukan sebaliknya oleh Ketua Pengarah atau Pengarah Kewangan dan Pengurusan dalam hal keadaan yang khas.

(2) Ketua Pengarah berhak untuk mengarahkan supaya emolumen pegawai Lembaga dipotong jika pegawai itu gagal atau ingkar membayar apa-apa kos rawatan perubatan yang ditanggungnya menurut Pekeliling ini.

#### **Pemeriksaan kesihatan**

47.(1) Seseorang calon yang telah berjaya mendapat jawatan dalam sebarang perkhidmatan Lembaga dikehendaki diperiksa kesihatannya sebelum boleh memegang jawatan tersebut dan pemeriksaan sedemikian akan ditanggung oleh Lembaga.

(2) Seseorang pegawai Lembaga yang dipilih untuk mana-mana kursus yang diluluskan oleh Ketua Pengarah akan diperiksa kesihatannya dengan percuma apabila ini disyaratkan oleh universiti, yayasan, penganjur atau negeri tempat berkursus itu.

(3) Pemeriksaan kesihatan yang selain daripada yang dinyatakan dalam subperenggan (1), tidak ditanggung oleh Lembaga.

#### **Faedah Perubatan bagi pegawai Lembaga dan keluarga mereka di luar negara**

48. Lembaga atau Ketua Pengarah boleh dari masa ke semasa menetapkan faedah perubatan bagi pegawai Lembaga dan keluarga mereka yang bertugas di luar negara.

#### **Pembatalan Pekeliling Pejabat MPOB Bil 1/2000**

49. Pekeliling Pejabat MPOB Bil 1/2000 dengan ini dibatalkan.

---

- (f) \* Disyorkan untuk mendapat cuti separuh gaji\*/cuti tanpa gaji\* kerana mengidap penyakit tibi/kusta/barah.
- (g) \* Ia meminta untuk diperiksa oleh sebuah jawatankuasa perubatan.
- (h) \* Ia perlu diperiksa untuk mengesahkan sama ada ia memerlukan rawatan khas di luar negeri.
- (i) \* sebab lain:  
.....

2. Tarikh Pemeriksaan dan Rawatan Perubatan

- (a) \* Kami telah memeriksa pegawai Lembaga ini pada :
- (b) \* Kami telah meletakkan pegawai Lembaga di bawah perhatian perubatan dari..... rawatan perubatan hingga.....
- (c) Riwayat perubatan pegawai Lembaga ini, seperti yang kami boleh dapati, adalah sebagai berikut [*Jikalau panjang buat lampiran*]  
.....  
.....  
.....

3. Pengesahan.

Kami mengesahkan bahawa pada pandangan kami, pegawai Lembaga ini adalah:

- (a) \* dalam kesihatan yang baik.
- (b) \* Mengidap dari .....  
Sedang pulih .....  
.....  
.....

4. Pendapat.

Kami berpendapat bahawa penyakit atau kecederaan pegawai Lembaga ini:

- (a) \* Akan menjadi kekal  
Tidak akan

- (b) \* Akan \_\_\_\_\_ menyebabkannya tidak layak untuk menjalankan tugasnya sebagai  
Tidak akan .....  
[ Sebutkan tugas biasanya].
- (c) \* Akan \_\_\_\_\_ menyebabkannya tidak layak untuk menjalankan apa-apa tugas lain.  
Tidak akan .....

5. Syor.

- (a) \*Kami mengesyorkan dia dianggap sebagai tidak sihat buat selama-  
lamanya\*/tidak sihat buat untuk bertugas semula \*.
- (b) \* Dia dianggap sebagai sihat untuk perkhidmatan selanjutnya, tetapi atas sebab-  
sebab kesihatan dia patut diberi cuti seberapa awal yang boleh sebanyak  
..... minggu.
- (c) Lain-lain:

6. Syor/Pandangan Tambahan Jawatankuasa Perubatan.

[ Sebutkan disini apa-apa syor atau pandangan tambahan Jawatankuasa Perubatan].  
.....  
.....  
.....

- (1) Tandatangan Pegawai Perubatan : .....  
Nama Penuh : .....  
Jawatan : .....  
Tarikh : .....
- (2) Tandatangan Pegawai Perubatan : .....  
Nama Penuh : .....  
Jawatan : .....  
Tarikh : .....

\* Potong mana yang tiada berkenaan.



JADUAL KEDUA  
(Perenggan 11)

LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)  
(Agensi di bawah Kementerian Perusahaan Utama)

SURAT PENGENALAN DAN AKUAN

PENGARAH/PENGUASA PERUBATAN/PEGAWAI PERUBATAN YANG MENJAGA  
HOSPITAL BESAR/HOSPITAL DAERAH/KLINIK

.....

Tuan,

Pembawa surat ini Encik\*/Puan\*Cik\* .....  
No. Kad Pengenalan ..... ialah seorang  
pegawai di Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Gaji bulanannya adalah sebanyak RM .....

2. Pegawai\*/isteri\*/suami\*/anak\*/ibu\*/bapa\* pegawai ini bernama ..  
..... No. Kad Pengenalan ..... memerlukan  
rawatan/ pemeriksaan. Harap ini dapat dipenuhi.

Tarikh .....

.....  
*Tandatangan Ketua Pengarah atau  
bagi pihaknya*

(PENGAKUAN PEGAWAI BAGI DIRI/ KELUARGA)

Saya mengaku bahawa + .....  
adalah ahli keluarga saya seperti dalam Pk(S) MPOB 3/2002 atau apa-apa pekeliling MPOB yang  
berkaitan.

2. Dengan ini juga saya membenarkan Ketua Pengarah untuk memotong emolumen saya  
bagi menjelaskan apa-apa bayaran hospital atau perubatan yang mungkin dikenakan kerana  
rawatan/pemeriksaan ini.

Tandatangan Pegawai Lembaga : .....

Nama Penuhnya : .....


Jabatan: .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

\* Potong yang tiada berkenaan.

+ Isi nama jika berkenaan dengan ahli keluarga.



.....  
DATUK DR YUSOF BASIRON  
*Ketua Pengarah*  
*Lembaga Minyak Sawit Malaysia*

c:\20000822.pekeliling3 2002.perubahan7